

EnviroNite 2012

Artikel oleh: Carolyn Melissa Payus

Program Sains Sekitaran, Sekolah Sains dan Teknologi, UMS telah mengadakan majlis makan malam bagi meraikan pelajar-pelajar tahun akhir yang akan bergraduasi pada Oktober 2012. Program tahunan ini telah diketuai oleh Supardie bin Roland, pelajar tahun 2 Program Sains Sekitaran, selaku Pengarah majlis pada malam tersebut. Malam Sains Sekitaran itu telah diadakan pada 26 Mei 2012 yang bertempat di Ming Garden Hotel, Kota Kinabalu, bermula jam 6.00 - 10:30 pm. Majlis telah dirasmikan oleh Ketua Program Sains Sekitaran, Dr. Justin Sentian, dan pensyarah-pensyarah yang turut hadir antaranya Dr. Harry Chong Lye Hin, Carolyn Melissa Payus, Kamsia Budin dan Farrah Anis Fazliatul Adnan. Suasana malam Sains Sekitaran diserikan dengan sekitaran dewan yang bertemakan *red rose and white*, iaitu satu lagi tema atau acara yang berbeza dengan acara yang sebelumnya. Majlis pada malam itu diisi dengan aneka acara yang dipersembahkan oleh pelajar-pelajar Tahun 1, 2 dan 3 Program Sains Sekitaran serta cabutan tiket bertuah.

